



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 7 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN LANCAR PTWEN 2026-2030, PERKUKUH KESEJAHTERAAN WARGA EMAS - NANCY		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2475068	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/malaysia-launches-2026-2030-senior-citizens-action-plan-for-elderly-welfare-FH15038058	THESUN.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113664/govt-launches-new-action-plan-to-support-ageing-population	THEVIBES.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/06/govt-launches-20262030-action-plan-to-strengthen-welfare-long-term-care-for-senior-citizens-says-minister/193551	MALAYMAIL.COM	
	https://theedgemalaysia.com/node/772812	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/267927/malaysia-launches-2026-2030-senior-citizens-action-plan-for-elderly-welfare/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://malaysiaaktif.my/2025/10/kerajaan-lancar-ptwen-2026-2030-perkukuh-kesejahteraan-warga-emas/	MALAYSIAAKTIF.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php//politics/crime_courts/news.php?id=2475070	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/05/five-year-senior-citizens-action-plan-to-strengthen-welfare-long-term-care-for-elderly-says-nancy	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JANGKA HAYAT RAKYAT MALAYSIA MENINGKAT KEPADA 76 TAHUN		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/06/jangka-hayat-rakyat-malaysia-meningkat-kepada-76-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/jangka-hayat-rakyat-malaysia-kini-76-tahun/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/warga-emas-perlu-aktif-jangan-duduk-diam-di-rumah/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	DR TEE E SIONG TERIMA ANUGERAH TOKOH WARGA EMAS		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dr-tee-e-siong-terima-anugerah-tokoh-warga-emas	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1454787/dr-tee-e-siong-dipilih-tokoh-warga-emas-kebangsaan-2025	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2475135	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/06/nutriti-on-expert-tee-e-siong-honoured-as-2025-senior-citizen-icon-for-lifelong-contributions/193582	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2475146	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dr-tee-e-siong-terima-anugerah-tokoh-warga-emas-541578	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KESEDARAN MASYARAKAT PULAU PINANG TERHADAP ISU KEBAJIKAN KANAKKANAK SEMAKIN MENINGKAT		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2475204	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/penang-child-abuse-reports-rise-due-to-greater-public-awareness-GH15039953	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TUBUHKAN MAJLIS PENJAGAAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK KEBANGSAAN SELARAS AGENDA ECCE RENTAS KEMENTERIAN - PARLIMEN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1454966/tubuhkan-majlis-penjagaan-dan-pendidikan-awal-kanak-kanak-kebangsaan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/06/ahli-parlimen-gesa-wujud-akta-baharu-kawalselia-jagaan-didikan-awal-kanak-kanak	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/06/mps-push-for-single-act-regulating-childcare-preschool-education	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	AKSES KEADILAN WANITA DIPERKASA MELALUI PEMODENAN MAHKAMAH SYARIAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/akses-keadilan-wanita-diperkasa-melalui-pemodenan-mahkamah-syariah	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	GOLONGAN OKU DIGESA DAFTAR JKM, NIKMATI 30 BANTUAN DAN KEISTIMEWAAN		POSITIF
	https://utusansarawak.com.my/golongan-oku-digeseda-daftar-jkm-nikmati-30-bantuan-dan-keistimewaan/	UTUSANSARAWAK.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	AGENSI KERAJAAN KEDAH SIAP SIAGA HADAPI BANJIR		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/agensi-kerajaan-kedah-siap-siaga-hadapi-banjir	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	GAGAL CUCI PINGGAN, KEMAS DAPUR PUNCA ANAK DIPUKUL		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1272268/gagal-cuci-pinggan-kemas-dapur-punca-anak-dipukul	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/kanak-kanak-lari-dari-rumah-selepas-dipukul-bapa-kerana-tidak-cuci-pingan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/06/tidak-cuci-pinggan-punca-kanak-kanak-dipukul-bapa-lari-rumah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751202/berita/semasa/berang-anak-tidak-kemas-dapur-bapa-pukul-hingga-anak-lari-rumah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/06/berang-tidak-kemas-dapur-dan-basuh-pinggan-bapa-pukul-anak-direman/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PEMBANTU KEDAI MAKAN PULA DIREMAN 'SENTUH' PELAJAR TINGKATAN DUA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/06/pembantu-kedai-makan-pula-direman-sentuh-pelajar-tingkatan-dua/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/rogol-pelajar-pembantu-kedai-makan-pula-direman-bantu-siasatan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/06/selepas-guru-kekasih-pula-direman-kes-rogol-pelajar-14-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/selepas-guru-kekasih-pula-direman-kes-rogol-pelajar-tingkatan-2/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	TWO TEACHERS FOUND TO HAVE SEXUALLY HARASSED STUDENTS		NEGATIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/06/two-teachers-found-to-have-sexually-harassed-students	THESTAR.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	NANCY: 2026-2030 ACTION PLAN TO STRENGTHEN WELFARE, LONG-TERM CARE FOR ELDERLY FOLKS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	7 OKTOBER 2025	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Nancy: 2026-2030 action plan to strengthen welfare, long-term care for elderly folks

SEREMBAN: The 2026-2030 Senior Citizens Action Plan (PTWEN) seeks to strengthen the wellbeing, welfare and needs of the elderly population as part of preparations for Malaysia's transition into an ageing nation, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said several strategies had been enhanced under the plan, including expanding programmes to raise awareness among individuals, families

and communities about senior citizens and ageing issues.

She said the plan also aimed to improve the governance of integrated long-term care and strengthen social assistance schemes for the elderly.

"The policy and the PTWEN 2010-2020 were approved on Jan 5, 2011. It was a continuation of the National Senior Citizens Policy, developed and aligned with international documents and national policies.

"The existing plan expired in

2020. Therefore, in line with current and future needs, a new PTWEN was developed in accordance with the National Ageing Framework and preparations for the 13th Malaysia Plan," she said.

Nancy said this when officiating at the launch of the PTWEN during the closing ceremony of the national-level 2025 Senior Citizens Day celebration here on Sunday night.

She said senior citizens should not be seen as a burden but as valuable national assets.

"They play an important role in both national and global agendas, acting as mentors and guides to the younger generation, as well as connectors of family and culture, and advocates for social well-being and sustainability," she said.

Nancy added that over the past five decades, the life expectancy of Malaysians had increased from 63 years to 76 years, reflecting the nation's collective efforts to improve health and wellbeing. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Lancar PTWEN 2026–2030, Perkukuh Kesejahteraan Warga Emas – Nancy

🕒 06/10/2025 12:12 AM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri bergambar bersama penetima anugerah pada Sambutan Hari Warga Emas peringkat Kebangsaan. Turut hadir Timbalannya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

SEREMBAN, 5 Okt (Bernama) -- Kerajaan hari ini melancarkan Pelan Tindakan Warga Emas (PTWEN) 2026–2030 bagi memperkukuh kesejahteraan, kebajikan dan keperluan golongan itu sekali gus sebagai persediaan menghadapi status negara tua.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata beberapa strategi ditambah baik menerusi pelan berkenaan termasuk meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran individu, keluarga dan masyarakat mengenai warga emas dan isu penuaan.

Beliau berkata selain itu, PTWEN 2026–2030 juga memantapkan tadbir urus penjagaan jangka panjang yang bersepadu dan memperkasakan skim bantuan sosial untuk warga emas.

"Kerajaan telah meluluskan Dasar dan PTWEN 2010–2020 pada 5 Jan 2011. Ia merupakan kesinambungan daripada Dasar Warga Tua Kebangsaan dan dibangunkan serta diselaraskan dengan dokumen antarabangsa dan juga dasar semasa negara.

"Pelan tindakan sedia ada telah tamat tempoh pada 2020. Justeru, selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, PTWEN yang baharu perlu dibangunkan selaras dengan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan dan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13)," katanya.

Beliau berkata demikian berucap melancarkan pelan tersebut pada Majlis Penutupan Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025 yang turut dihadiri Timbalannya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan di sini malam ini.

Dalam pada itu, Nancy berkata sambutan Hari Warga Emas iaitu "Warga Emas, Wajah Masa Depan Kita" mengingatkan bahawa warga emas bukan sahaja dikenang kerana sumbangan masa lepas, tetapi dihormati kerana peranan mereka hari ini dan inspirasi mereka untuk generasi akan datang.

Beliau berkata warga emas bukanlah beban kepada negara sebaliknya mereka adalah aset berharga negara dan penyimpan hikmah, penghubung generasi serta teladan yang wajar disanjung.

"Mereka juga berperanan penting dalam agenda nasional dan global yang bertindak sebagai mentor dan pembimbing generasi muda selain penghubung keluarga dan budaya serta ejen advokasi dalam isu kesejahteraan sosial dan kelestarian," katanya.

Beliau berkata dalam lima dekad kebelakangan ini, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada 63 tahun kepada 76 tahun yang merupakan hasil usaha bersama dalam kesihatan dan kesejahteraan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy merasmikan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) sempena Majlis Perasmian Sambutan Warga Emas Kebangsaan 2025. Foto oleh NOR AINNA HAMZAH/KOSMO!

Jangka hayat rakyat Malaysia meningkat kepada 76 tahun

Oleh NOR AINNA HAMZAH 6 Oktober 2025, 10:42 am

SEREMBAN – Jangka hayat rakyat Malaysia didapati meningkat daripada 63 tahun kepada 76 tahun dalam tempoh lima dekad kebelakangan ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, peningkatan jangka hayat berkenaan adalah hasil usaha bersama dalam penjagaan kesihatan dan kesejahteraan hidup golongan berkenaan.

Menurutnya, Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang 2030, apabila 15 peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas.

“Pada 2024 (tahun lalu), kita sudah mempunyai 3.9 juta warga emas, bersamaan hampir 12 peratus daripada keseluruhan populasi. Namun persoalannya, adakah warga emas beban?”

“Tidak sama sekali. Mereka adalah aset berharga negara, penyimpan hikmah, penghubung generasi, dan teladan yang wajar kita sanjung. Malah, dalam lima dekad kebelakangan ini, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada 63 tahun kepada 76 tahun, hasil usaha bersama dalam kesihatan dan kesejahteraan,” katanya ketika berucap sempena Majlis Perasmian Sambutan Warga Emas Kebangsaan 2025 di sini, malam tadi.

Dalam pada itu, Nancy berkata, warga emas berperanan penting dalam agenda nasional dan global iaitu sebagai mentor dan pembimbing generasi muda, penghubung keluarga dan budaya dan agen advokasi dalam isu kesejahteraan sosial dan kelestarian. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : NUTRITIONIST HONOURED WITH AWARD

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 7 OKTOBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Nutritionist **honoured** with award

➤ Recognition given for lifelong service, charitable work and outstanding contributions

SEREMBAN: Nutrition consultant Dr Tee E. Siong was honoured as the Senior Citizen Icon at the National Level Elderly Day celebration here on Sunday.

Tee, 78, a former Health Ministry Institute for Medical Research nutrition officer, received the award in recognition of his lifelong service, charitable work and outstanding contributions at the community, state, national and international levels.

Still active in several organisations, including the Nutrition Society of Malaysia, the Allied Health Professions Council and the Malaysian Elderly Health Awareness Society, Tee continues to advance the field of nutrition through voluntary policy work, community



Nancy (second, left), along with Noraini (centre) presenting the award to Tee at the National Level Elderly Day celebration. – **BERNAMAPIC**

programmes and public education.

The Seremban-born expert also leads numerous initiatives for women, children and the wider community, among them the Positive Healthy Ageing Programme launched in 2022 to promote healthy lifestyles and empower senior citizens to remain active contributors to their families and the nation.

The Senior Citizen Icon Award was presented by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who also officiated the closing ceremony of the celebration, Bernama reported.

Also present were her deputy Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, the ministry's secretary-general Datuk Dr

Maziah Che Yusoff and Community Welfare Department director-general Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

Speaking to reporters afterwards, Tee expressed gratitude for the recognition and hope that it would inspire other senior citizens to remain active and continue contributing to society.

"In any field, including healthcare, senior citizens must continue to contribute. Even in our later years, we could still play a valuable role. We should not just sit quietly at home. Maintaining our health is crucial so that we could stay active in old age," he said.

Earlier, Nancy said this year's Elderly Day theme, "Senior Citizens, The Face of Our Future", serves as a reminder that the elderly should be celebrated not only for their past contributions, but also for their ongoing roles and as an inspiration to younger generations.

She said the celebration, organised by the Social Welfare Department, carried a clear message that senior citizens represent a shared future for all Malaysians.

She expressed hope that the culture of respecting the elderly and cherishing the young would continue

to flourish.

Meanwhile, the Elopura Senior Citizens Activity Centre in Sandakan, Sabah received the Excellent Pawe Award for its active involvement in volunteer and community programmes and its dedication to improving the wellbeing of senior citizens from all backgrounds.

The Subang Jaya City Council (Selangor), Kulim Municipal Council (Kedah) and Kuala Pilah District Council (Negeri Sembilan) were also presented with the Prihatin Warga Emas (Elderly Care) certificate of appreciation in the local authorities category.

In the statutory body and corporate category, certificates of appreciation went to the Employees Provident Fund, Mydin Mohamed Holdings Bhd and 99 Speedmart Sdn Bhd for their commitment to corporate social responsibility initiatives benefiting senior citizens.

A two-day Senior Citizens' Carnival was also held in conjunction with the celebration at the Negeri Sembilan Youth and Sports Complex, drawing more than 3,000 participants, including members of Elopura Senior Citizens Activity Centres nationwide.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dr Tee E Siong terima anugerah Tokoh Warga Emas

Nasional - Dicipta: 06 Oktober 2025 11:48 AM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (dua kiri) ketika menyampaikan anugerah Tokoh Warga Emas kepada Dr Tee E Siong (dua kanan) pada Sambutan Hari Warga Emas peringkat Kebangsaan di sebuah hotel malam ini/BERNAMA

SEREMBAN, 6 Oktober- Pakar Runding Pemakanan sebuah syarikat konsultasi, Dr Tee E Siong dinobatkan sebagai Tokoh Warga Emas sempena sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025 di sini malam tadi.

Tee, 78, yang pernah memegang jawatan sebagai pegawai pemakanan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan (KKM), menerima anugerah tersebut atas penglibatan berterusan dalam kerja kebajikan dan sumbangan cemerlang di peringkat komuniti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau bergiat aktif termasuk dalam Persatuan Pemakanan Malaysia, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu dan Persatuan Kesedaran Kesihatan Warga Emas Malaysia sekali gus mencerminkan komitmen tinggi dalam bidang pemakanan sama ada di peringkat dasar, komuniti dan kesedaran awam secara sukarela.

Anak jati Seremban itu turut mengetuai pelbagai program untuk wanita, kanak-kanak dan masyarakat termasuk Program Penuaan Sihat Positif yang dilancarkan pada 2022 bertujuan berkongsi pengetahuan tentang gaya hidup sihat supaya terus dapat menyumbang kepada keluarga dan negara.

Anugerah Tokoh Warga Emas itu disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri yang turut merasmikan penutupan sambutan tersebut. Turut hadir, Timbalannya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

Tee yang ditemui pemberita selepas majlis itu menzahirkan kesyukuran atas pengiktirafan tersebut dan berharap ia menjadi inspirasi kepada warga emas lain untuk terus aktif serta memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

"Dalam apa juga bidang termasuk kesihatan, warga emas perlu terus menyumbang kepada masyarakat dan negara. Walaupun sudah berusia kita masih boleh berperanan, jangan hanya duduk diam di rumah. Menjaga kesihatan juga penting agar kita kekal aktif walaupun sudah tua," katanya.

Terdahulu, Nancy dalam ucapannya berkata tema Hari Warga Emas tahun ini iaitu "Warga Emas, Wajah Masa Depan Kita" adalah untuk mengingatkan bahawa warga emas bukan sahaja dikenang kerana sumbangan masa lepas tetapi juga dihormati kerana peranan mereka hari ini dan inspirasi untuk generasi akan datang.

Beliau berkata sambutan Hari Warga Emas itu juga membawa mesej jelas bahawa golongan berkenaan adalah wajah masa depan semua, justeru berharap budaya menghormati yang tua dan menyayangi golongan muda terus dijadikan pegangan.

Dalam majlis anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat itu, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Elopura, Sandakan, Sabah menerima Anugerah PAWE Cemerlang atas penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kesukarelawanan serta usaha berterusan memperkasa kesejahteraan warga emas membabitkan pelbagai bangsa atau etnik.

Selain itu, tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Subang Jaya, Selangor; Majlis Perbandaran Kulim, Kedah dan Majlis Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan menerima sijil penghargaan Prihatin Warga Emas kategori PBT.

Bagi kategori badan berkanun dan korporat pula, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Mydin Mohamed Holdings Berhad serta 99 Speedmart Sdn Bhd menerima sijil penghargaan atas komitmen melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk melalui program tanggungjawab sosial korporat.

Sempena sambutan Hari Warga Emas tahun ini, turut diadakan Karnival Warga Emas selama dua hari hingga semalam di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sembilan dengan penyertaan lebih 3,000 peserta termasuk ahli PAWE seluruh negara. -BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kesedaran Masyarakat Pulau Pinang Terhadap Isu Kebajikan Kanak-kanak Semakin Meningkatkan

🕒 06/10/2025 02:44 PM



GEORGE TOWN, 6 Okt (Bernama) -- Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap isu kebajikan serta perlindungan kanak-kanak antara penyumbang kepada pertambahan jumlah laporan kes penderaan dan pengabaian di Pulau Pinang.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Rozita Ibrahim berkata setakat Ogos lepas, sebanyak 697 kes dilaporkan melibatkan empat kategori di bawah Akta Kanak-kanak 2001 iaitu kanak-kanak yang memerlukan perlindungan kerana penderaan fizikal, pengabaian, eksploitasi dan pemerdagangan.

"Kategori kedua ialah kanak-kanak memerlukan perlindungan dan pemulihan, melibatkan mereka yang dieksploitasi untuk tujuan seksual seperti pelacuran, mangsa rogol atau kehamilan luar nikah.

"Ketiga, mereka terlibat jenayah berat seperti mencuri, menyamun dan membunuh manakala keempat ialah kanak-kanak tidak terkawal iaitu apabila ibu bapa gagal mengawal tingkah laku anak," katanya kepada pemberita selepas majlis pengumuman kempen *Penang Goes Orange* di Komtar, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri Lim Siew Khim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang Datuk Ong Bee Leng.

Rozita berkata kebanyakan kes melibatkan kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 12 tahun kerana mereka lebih mudah terdedah kepada pengabaian dan penderaan.

Beliau berkata setiap kes disiasat secara menyeluruh mengikut prosedur operasi standard (SOP) termasuk pemeriksaan perubatan, sesi kaunseling dan intervensi jangka panjang.

"Bagi kes tertentu, kanak-kanak terlibat ditempatkan di bawah jagaan waris terdekat seperti datuk, nenek atau ibu saudara bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka terjamin," katanya.

Rozita berkata peningkatan jumlah kes perlu dilihat positif kerana mencerminkan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Terdahulu, kerajaan negeri mengumumkan pelancaran kempen *Penang Goes Orange* sebagai komitmen untuk memerangi sebarang bentuk keganasan berasaskan gender dan penderaan.

Dalam ucapannya, Lim menyeru rakyat mengubah budaya berdiam diri dengan menjadi pemerhati aktif yang berani melapor, menegur serta bertindak dalam isu berkenaan.

Bertemakan *Break the Silence: Jangan Dok Diam!*, Lim berkata kemuncak kempen berlangsung pada 13 Dis dengan Ketua Menteri Chow Kon Yeow akan mengetuai sesi bacaan ikrar dan nyalaan *orange stick* sebagai simbol solidariti menolak keganasan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	CHILD SAFETY GOES BEYOND SUPERVISION, SAYS NGO		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	7 OKTOBER 2025	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Child safety goes beyond supervision, says NGO

PETALING JAYA: Following the tragic death of the toddler who was crushed by a fallen gate pillar, child rights group Protect and Save the Children (PSC) has reminded Malaysians that child safety "goes beyond supervision".

The group emphasised that it requires safe home design, regular maintenance and stronger community awareness.

"This tragedy highlights the need for greater attention to safety design and regular maintenance of household structures, especially when there are children around," it said.

It stressed that keeping children safe must be treated as a shared responsibility, involving families,

builders and local authorities, to ensure homes are designed and maintained as secure spaces for children to grow and play.

PSC added that home safety education should be practical and community-based, rather than confined to parenting advice alone.

"Safety messages could be shared not just through parenting platforms or clinics, but also via housing developers and local councils.

"Visual checklists showing common hazards, such as unstable structures, unsecured furniture or unsafe balconies, could help families identify risks more easily."

The group also suggested that community campaigns and media

partnerships could help normalise conversations about safer home environments and encourage proactive safety checks.

It said while there have been public campaigns on burns, falls, poisoning and drowning prevention, such efforts remain sporadic, urging for a coordinated national approach that treats home safety as part of child health and development.

"Licensed childcare centres follow safety regulations under the Child Care Centre Act 1984.

"Similar principles should apply at home. Multiple stakeholders must work together to ensure these measures are implemented as widely and consistently as possible," it said.

The organisation called for a shift from reactive to preventive action.

"We often only hear about safety measures after a tragedy occurs, rather than being reminded of preventive steps beforehand.

"Safety planning should be part of everyday life through policies that prioritise child-safe home designs, safety checks in early childhood settings and greater public awareness on how prevention saves lives."

PSC said parents should view their homes from a child's perspective to better identify potential hazards.

"Look at your home from your child's eye level. Children explore through movement and their

environments need to support that safely. Anything that could topple, swing or collapse should be checked and secured.

"A few minutes spent identifying and fixing potential risks could make a real difference."

Police, meanwhile, have classified the case as sudden death.

Seremban district police chief ACP Mohamad Hatta Che Din said the toddler had been playing with her sister when the incident occurred.

"The pillar supporting the main gate collapsed on the victim," he said, adding that a post-mortem found the cause of death to be head injuries from a heavy impact.
- BY KIRTINEE RAMESH

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tubuhkan Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan selaras agenda ECCE rentas kementerian - Parlimen



Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Oktober 6, 2025 @ 5:13pm



Ahli Parlimen Puchong, Yeo Bee Yin. - NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran menubuhkan Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan ditubuhkan untuk menyelaras agenda Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) di negara ini secara rentas kementerian.

Ia antara enam syor dikemukakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, sebagai usaha meningkatkan keupayaan sektor itu di negara ini.

Pengerusinya, Yeo Bee Yin, berkata jawatankuasa itu juga mengesyorkan penggubalan satu akta khusus bagi mengawal selia dan membangunkan sektor ECCE di Malaysia, dengan tanggungjawab kawal selia dan pembangunan sektor perlu diletakkan di bawah satu agensi.

"Jangan ada agensi berlain bertanggungjawab dengan isu sama. Kita mahu tanggungjawab kawal selia dan pembangunan bagi sektor ECCE ini diletakkan di bawah satu agensi seperti Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (ECDA) di Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan penyata jawatankuasa mengenai Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia di Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Bee Yin Yang juga Ahli parlimen Puchong berkata jawatankuasa juga memandag berat kekurangan peruntukan sektor ini, sekali gus berharap Kementerian Kewangan (MÓF) merombak semula peruntukan pembangunan modal insan dan memastikan penyediaan jumlah peruntukan awal bagi ECCE sekurang-kurang 0.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Cadangan perluasan peruntukan ini adalah untuk tujuan memberi geran tetap kepada pengusaha tadika dan taska swasta yang tidak berorientasikan keuntungan dan mampu milik yang layak serta menyediakan premis ECCE awam mencukupi, selain mewujudkan skim insentif kewangan dan bukan kewangan kepada taska dan tadika berdaftar.

"Selain itu, memperluaskan subsidi yuran taska dan tadika kepada keluarga layak, menyelaras dan meningkatkan kualiti skim latihan pengasuh dan pendidik awal kanak-kanak bagi meningkatkan kualiti dan profesionalisme mereka serta meningkatkan kadar bantuan prasekolah mengikut kadar semasa," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa juga mengesyorkan supaya semua Tabika Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan di serap masuk di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) bagi tujuan mengoptimumkan sumber kerajaan.

"Jawatankuasa juga mengesyorkan supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) di bawah KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dengan KPM dan KPWK (Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat) menyemak semula garis panduan penubuhan tadika dan taska sedia ada dengan mengambil kira kos tempoh masa dan birokrasi bagi meningkatkan kadar pendaftaran tadika dan taska.

"KPM juga perlu menetapkan standard kelayakan dan persijilan semua guru pendidikan awal kanak-kanak di bawah KPM, KEMAS dan Kementerian Perpaduan bagi menyelaraskan mutu serta tahap profesionalisme secara menyeluruh merentasi agensi," katanya.

Katanya, pendidikan awal kanak-kanak memerlukan pendekatan menyeluruh dan peruntukan mencukupi bagi membina ECCE yang lebih inklusif, berkualiti dan mampan, sekali gus menjamin masa depan lebih baik kepada kanak-kanak di negara ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Akses keadilan wanita diperkasa melalui pemodenan Mahkamah Syariah

Nasional - Dicipta: 06 Oktober 2025 03:27 PM



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Hasan/BERNAMA

KUALA LUMPUR, 6 Oktober – Usaha mempertingkatkan akses keadilan wanita dalam kes kekeluargaan terus diperkasa melalui pelbagai inisiatif pemodenan Mahkamah Syariah serta program advokasi literasi undang-undang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Hasan berkata pelbagai langkah telah dilaksanakan termasuk program turun padang bersama komuniti, pelaksanaan Pelan Literasi Perundangan Syariah Kebangsaan, serta Klinik Undang-Undang Dalam Talian yang memberi ruang kepada wanita mendapatkan rundingan hukum dengan lebih mudah.

“Antara usaha yang dilaksanakan termasuk program turun padang bersama komuniti bagi memperkukuh literasi undang-undang Syariah serta memberi kefahaman kepada wanita tentang hak-hak mereka dalam isu kekeluargaan di seluruh Malaysia.

“Antaranya ialah Program Literasi dan Karnival Undang-Undang Syariah, Komuniti Suluh dan Rakan Suluh Komuniti, Konvensyen Harta dan Undang-Undang Wanita dan banyak lagi,” katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat, di sini.

Beliau berkata, di bawah inisiatif Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Program Cakna Syariah Lestari Madani akan melaksanakan Pelan Literasi Perundangan Syariah Kebangsaan bagi memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Syariah, khususnya dari aspek pelaksanaan dan penghayatannya.

Selain itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) turut menganjurkan Klinik Undang-Undang Dalam Talian setiap bulan dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan (PPWWP) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

“Program ini dilaksanakan secara dalam talian melalui platform media sosial Facebook dan YouTube JKSM serta PPWWP. Rentetan itu, JKSM juga telah menyediakan platform e-Konsultasi kepada penonton program Online Legal Clinic (Klinik Undang-Undang Dalam Talian) yang menawarkan khidmat runding cara dan nasihat perundangan Syariah secara dalam talian,” ujarnya.

Tambahnya, sistem e-Syariah turut diperkukuh melalui pembangunan aplikasi mudah alih, modul e-Nafkah untuk pemantauan perintah nafkah serta kemudahan pra-pendaftaran kes secara sendiri.

“Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Apple App Store, Google Play Store dan Huawei App Gallery. Semua orang boleh mendaftar serta menyemak status kes nafkah, perceraian, hak penjagaan anak dan harta sepencarian secara sendiri tanpa perlu hadir ke mahkamah.

“Langkah-langkah ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memastikan sistem keadilan Syariah lebih telus, mesra pengguna dan berkesan, khususnya dalam melindungi hak wanita serta anak-anak,” katanya.

Dalam pada itu, TV AlHijrah, IKIM FM dan beberapa agensi lain turut giat memperluas advokasi hak wanita melalui program berbentuk pendidikan masyarakat seperti Assalamualaikum An-Nisa', Bicara Fall Syariah, serta Dari Hati di IKIM FM yang memberi fokus kepada isu keluarga, hibah, harta pusaka dan hak wanita.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Golongan OKU digesa daftar JKM, nikmati 30 bantuan dan keistimewaan

© Utusan Sarawak



ADUN Kalaka, Mohamad Duri semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 yang diadakan di Saratok, semalam. Foto Pusat Khidmat ADUN Kalaka

SARATOK: Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) digesa untuk mendaftarkan diri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membolehkan mereka menikmati hampir 30 jenis bantuan dan keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan serta pihak swasta.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kalaka, Mohamad Duri berkata pendaftaran dengan JKM amat penting bagi memastikan setiap OKU dapat menerima bantuan dan sokongan sewajarnya termasuk dalam aspek kebajikan, pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan kemudahan awam.

"Sehingga Disember 2024, terdapat 736,607 OKU berdaftar di Malaysia bawah tujuh kategori ketidakupayaan.

"Bagi Bahagian Betong, sebanyak 1,167 OKU telah berdaftar dari 2020 hingga Oktober 2025," katanya semasa berucap merasmikan Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 yang diadakan di Saratok, semalam.

Menurut Mohamad Duri, masih ramai lagi OKU di luar sana yang belum mendaftar kerana kurang kesedaran mengenai kepentingan pendaftaran tersebut.

Oleh itu, beliau menggesa semua lapisan masyarakat agar membantu dan menggalakkan OKU di kawasan masing-masing untuk berdaftar dengan JKM.

"Melalui pendaftaran, OKU bukan sahaja diiktiraf secara rasmi tetapi juga berpeluang menikmati pelbagai kemudahan seperti bantuan kewangan, peluang pekerjaan, latihan kemahiran, kemudahan pendidikan, serta diskaun dan sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta," jelasnya.

Bellau turut menzahirkan penghargaan kepada JKM kerana memilih Daerah Saratok sebagai tuan rumah sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong tahun ini, yang disambut lebih awal daripada tarikh rasmi 3 Disember seperti ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



ADUN Kalaka, Mohamad Duri semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 yang diadakan di Saratok, semalam. Foto Pusat Khidmat ADUN Kalaka

Katanya, sambutan Hari OKU merupakan wadah terbaik untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya keterangkuman golongan istimewa ini dalam arus pembangunan negara.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa di Bahagian Betong terdapat dua Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), masing-masingnya di Betong dan Saratok yang berperanan membantu kanak-kanak kurang upaya mendapatkan rawatan dan pemulihan awal.

"Saya berharap agar semangat sambutan ini dapat menyemarakkan kesedaran masyarakat MADANI untuk menghormati hak dan peluang sama rata kepada golongan OKU agar mereka tidak merasa tersisih serta dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara," tambahnya.

Oleh Adi Safarman



ADUN Kalaka, Mohamad Duri semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 yang diadakan di Saratok, semalam. Foto Pusat Khidmat ADUN Kalaka

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Agensi Kerajaan Kedah siap siaga hadapi banjir

Nasional - Dicipta: 06 Oktober 2025 04:15 PM



Mesyuarat Koordinasi Operasi Banjir PDRM bersama agensi-agensi kerajaan (NADMA No.1) Negeri Kedah/
POLIS KEDAH

ALOR SETAR, 6 Oktober - Agensi-agensi kerajaan (NADMA No. 1) Negeri Kedah kini dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi bencana banjir di negeri itu.

Polis Kedah dalam kenyataan memaklumkan bahawa Mesyuarat Koordinasi Operasi Banjir PDRM bersama agensi-agensi kerajaan (NADMA No.1) Negeri Kedah bertujuan untuk menyelaraskan dan memperkukuh kerjasama antara agensi terlibat dalam menghadapi situasi tersebut.

"Ia bagi memastikan kesiapsiagaan serta tindakan pantas dapat dilaksanakan sekiranya berlaku bencana banjir di Negeri Kedah.

"Ketika ini, beberapa daerah di Kedah seperti Kubang Pasu, Sik, Pokok Sena, Kota Setar dan Pendang dilanda banjir ekoran hujan lebat sejak Jumaat lalu," menurut kenyataan itu.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan Ketua Polis Kedah, Pesuruhjaya Polis (CP) Datuk Adzli Abu Shah di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, hari ini.

Mesyuarat turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Kedah, Timbalan Pesuruhjaya Polis (DCP) Baderulhisham Baharudin.

Turut hadir, Ketua-ketua Jabatan, Ketua Polis Daerah serta wakil daripada Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, RELA Kedah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Hadir sama, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, dan Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gagal cuci pinggan, kemas dapur punca anak dipukul

Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Tidak mencuci pinggan dan tidak mengemas dapur dipercayai menjadi punca seorang lelaki memukul anaknya sehingga kanak-kanak itu melarikan diri dari rumah di Kepong, di sini, semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, lelaki itu direman empat hari bermula semalam hingga Rabu untuk membantu siasatan lanjut.

"Punca bapa memukul mangsa dipercayai kerana (kanak-kanak itu) tidak mencuci pinggan dan tidak mengemas dapur.

"Hasil semakan mendapati suspek berusia 42 tahun yang bekerja sebagai tukang paip itu tiada rekod jenayah. Dia direman empat hari bermula semalam hingga Rabu ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya, pihaknya akan melengkapkan kertas siasatan dan ia akan dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pada Rabu ini untuk arahan selanjutnya.

Semalam media melaporkan, kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun itu dilaporkan hilang sebelum ditemui orang awam di kedai di Metro Prima.

Mangsa kemudian dibawa ke Balai Polis Kepong dan seterusnya dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pemeriksaan.

Pemeriksaan mendapati mangsa mengalami lebam bawah bibir, calar pada bahagian belakang badan dan sakit pada bahagian kepala.

Kanak-kanak itu memberitahu dipukul oleh bapanya dan melarikan diri dari rumah.

Pada jam 4.40 petang, bapa mangsa ke Balai Polis Kepong untuk membuat laporan mengenai kehilangan anak sebelum ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek (tengah) ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Balik Pulau, hari ini. Foto DANIAL SAAD/KOSMO!

Pembantu kedai makan pula direman 'sentuh' pelajar tingkatan dua

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 6 Oktober 2025, 3:51 pm

BALIK PULAU – Seorang pemuda ditahan reman selama lima hari bagi membantu siasatan kes rogol seorang pelajar perempuan tingkatan dua.

Reman terhadap suspek berusia 18 tahun yang juga dipercayai kekasih mangsa itu bermula hari ini sehingga 10 Oktober.

Perintah reman yang dikeluarkan Majistret Chia Huey Ting bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan.

Terdahulu, suspek tiba di pekarangan Mahkamah Balik Pulau dalam keadaan sugul, kira-kira jam 8.15 pagi tadi.

Difahamkan, tangkapan ke atas suspek dilakukan di kediamannya di Seberang Perai Utara, semalam susulan siasatan polis berhubung laporan daripada mangsa yang mendakwa dirogol guru sekolahnya, November tahun lalu.

Jumaat lalu, media melaporkan polis menahan reman seorang guru sekolah menengah di negeri ini selama empat hari bagi membantu siasatan kes rogol seorang pelajar tingkatan dua di parkir sebuah kompleks beli-belah di Bayan Baru, tahun lalu.

Bagaimanapun, suspek yang berusia 32 tahun itu telahpun dibebaskan dengan jaminan polis hari ini sementara menunggu arahan pendakwaan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Two teachers found to have sexually harassed students

NATION

Monday, 06 Oct 2025

Compiled by ARFA YUNUS, C. ARUNO and R. ARAVINTHAN

TWO teachers were found to have sexually harassed female students at an independent Chinese school in Johor.

China Press reported that this was concluded by an internal probe conducted by the school's administration following accusations against four teaching staff members earlier this year.

It was announced on Saturday that the five-member independent investigation panel had enough evidence to conclude that two teachers had sexually harassed female students.

The panel said both teachers are no longer working at the school.

The panel found that one teacher had repeatedly made statements which were sexist and akin to sexual harassment since 2010, and had even received a warning letter about his behaviour in 2018.

The second teacher was found to have made inappropriate physical contact with female students between 2010 and 2013, including touching their heads, shoulders and hands.

The incident sparked a #MeToo movement at the school over sexual harassment claims.

The administration announced that the safety of its students was of the utmost importance and promised to thoroughly investigate any claims made.